

10 November 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

MPSP AKAN MULA KERJA DI DUA LOKASI TANGKI AIR DI SEBERANG PERAI TENGAH

- **Tanah runtuh berlaku di lot tanah kira-kira 2 meter di luar pagar Tangki Air Bertingkat Taman Tanah Aman di Bukit Tengah.**
- **Hakisan tanah telah “menggerakkan” dinding penahan dan menyebabkan adanya keretakan di atas tanah tangki air bertingkat Taman Seri Remia di Bukit Mertajam.**

PENANG, Friday (10/11/2017): Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan memulakan kerja kecemasan di dua lokasi tangki air tinggi konkrit bertetulang di Seberang Perai Tengah (SPT).

1. Tangki Air Taman Tanah Aman di Bukit Tengah

Ribut 5/11/2017 menyebabkan tanah runtuh berlaku di cerun di luar premis tangki 0.54 juta liter di Taman Tanah Aman. Tangki ini telah disiapkan oleh pemaju, PPB Hartabina Sdn Bhd, pada tahun 2007, dan diserahkan kepada PBAPP.

Kakitangan PBAPP telah memeriksa persekitaran tangki Taman Tanah Aman setiap hari sejak 6/11/2017. Kakitangan kami juga telah membincangkan perkara ini dengan Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Seberang Perai Tengah, Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba), dan wakil pemaju.

Isu pemindahan tidak perlu timbul kerana kebarangkalian tangki runtuh pada mana-mana harta persendirian adalah jauh.

Pasukan pemeriksa PBAPP mendapati tiada keretakan pada struktur yang menyokong tangki dan tiada kebocoran dari tangki itu sendiri. Tangki berfungsi sepenuhnya.

Sebagai langkah waspada, PBAPP telah menurunkan jumlah simpanan air sebanyak 50% bagi mengurangkan beban struktur. Sementara itu, pemaju telah menutup sementara kawasan tanah runtuhan dengan plastik pelindung untuk mengurangkan risiko tanah runtuhan yang lain.

Harus diingat bahawa tanah runtuhan berlaku di lot tanah milik persendirian di luar kawasan tangki air. Biasanya, pemilik tanah akan bertanggungjawab untuk menjalankan kerja perlindungan cerun. Bagaimanapun, disebabkan oleh perkara ini perlu segera, MPSP telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja ini dengan cepat, dan akan menentukan penyelesaian kos dengan pemilik tanah kelak.

2. Tangki Air Taman Seri Remia di Bukit Mertajam

Air dan ribut yang begitu pantas juga menghanyutkan tanah di bawah tangki 0.5 juta liter di Taman Seri Remia di Bukit Mertajam. Ini telah “mengerakkan” dinding penahan dan terdapatnya keretakan di tapak struktur tangki.

Tangki ini telah disiapkan oleh pemaju, Techware Builders Sdn Bhd, pada tahun 2012, dan diserahkan kepada PBAPP.

Kakitangan PBAPP telah memeriksa kawasan tangki Taman Seri Remia setiap hari sejak 5/11/2017. Kakitangan kami telah membincangkan perkara ini dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), serta wakil pemaju dan perunding projek.

Isu pemindahan juga tidak timbul di Taman Seri Remia kerana arah yang diramalkan jika berlaku keruntuhan tidak membahayakan hartanah berdekatan.

PBAPP dan MPSP sedang menunggu laporan segera dari perunding pemaju projek mengenai integriti struktur tembok penahan dan sub-struktur tangki air. Berdasarkan laporan ini, keputusan akan dibuat mengenai kerja rektifikasi yang sesuai.

Sebagai langkah waspada, PBAPP telah menurunkan jumlah simpanan air sebanyak 50% bagi mengurangkan beban struktur. Ketika ini, kawasan



tanah runtuh di situ telah ditutup dengan plastik pelindung untuk mengurangkan risiko tanah runtuh yang lain.

Kerja Rektifikasi yang Bersesuaian

PBAPP akan memastikan kerja-kerja yang sesuai dilaksanakan di Taman Tanah Aman dan Taman Seri Remia, demi kepentingan keselamatan awam dan bekalan air yang berterusan bagi penduduk di kawasan ini.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my